



SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2025

KEMAS KINI MAKLUMAT PERMOHONAN STR

- 1. S: Apakah tujuan pembukaan Skrin Kemas Kini Maklumat Permohonan STR?**

J: Pembukaan Skrin Kemas Kini Maklumat Permohonan STR adalah bagi membenarkan Permohonan STR yang berstatus Lulus untuk membuat kemas kini maklumat asas terhad seperti maklumat berikut:

 - i. No. Telefon Rumah
 - ii. No. Telefon Bimbit
 - iii. Maklumat Alamat Surat Menyurat
 - iv. Alamat e-Mel
 - v. Maklumat No Telefon Pasangan
 - vi. Maklumat Akaun Bank Pemohon / Pasangan
 - vii. Maklumat Waris
- 2. S: Bilakah tempoh kemas kini maklumat Permohonan STR boleh dilakukan?**

J: Kemas kini maklumat Permohonan STR boleh dilakukan bermula 22 Januari 2025
- 3. S: Bagaimanakah kaedah untuk membuat kemas kini maklumat Permohonan STR?**

J: **Kemas kini maklumat Permohonan STR boleh dibuat seperti berikut:**

 - i. Secara dalam talian di Portal Rasmi STR LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> ; atau
 - ii. Penghantaran Borang Kemas Kini Maklumat Permohonan STR ke Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Anda adalah digalakkan untuk membuat kemas kini maklumat Permohonan STR secara dalam talian supaya lebih mudah, cepat dan selamat.
- 4. S Dimanakah Borang Kemas Kini Maklumat Permohonan STR boleh didapati?**

J: Borang Kemas Kini Maklumat Permohonan STR boleh didapati melalui:

 - i. Portal Rasmi STR LHDNM, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> ; atau
 - ii. Boleh didapati di Pejabat LHDNM / Pejabat Satelit (PS) / Pusat Transformasi Bandar (UTC)
- 5. S Permohonan STR saya berstatus lulus dan ingin mengemas kini maklumat waris. Apakah tindakan yang perlu saya lakukan?**

J: Sekiranya permohonan berstatus lulus dan ingin mengemaskini maklumat waris (maklumat asas) anda perlu Log Masuk MySTR dan klik menu Perubahan Maklumat Asas.

6. **S: Saya adalah pemohon dan tidak mendaftarkan maklumat akaun bank pemohon dan pasangan semasa tempoh pendaftaran STR, adakah saya boleh menambah maklumat akaun bank semasa tempoh kemas kini maklumat dibuka?**

J: Ya. Anda boleh menambah maklumat akaun bank pemohon atau pasangan sekiranya tiada maklumat akaun bank pemohon atau pasangan pada borang permohonan STR 2025.

Pengemaskinian maklumat akaun bank juga dibenarkan sekiranya bayaran STR fasa terkini bukan melalui kaedah pengkreditan ke akaun bank pemohon / pasangan tersebut.

7. **S: Saya adalah penerima bayaran STR secara pengkreditan ke akaun bank dan status pembayaran adalah Berjaya Kredit, adakah saya boleh mengemaskini maklumat akaun bank saya?**

J: Kemas kini maklumat akaun bank penerima dibenarkan sekiranya status bayaran fasa sebelumnya adalah Berjaya Kredit. Akan tetapi penerima hanya boleh menukar maklumat bank sedia ada ke maklumat akaun bank baharu. Penukaran bayaran secara akaun bank ke bayaran tunai adalah tidak dibenarkan.

8. **S: Kaedah pembayaran STR saya adalah secara kredit ke akaun bank pasangan semasa fasa pembayaran sebelumnya. Sekiranya status akaun bank tersebut adalah tidak aktif sebelum pembayaran fasa seterusnya bermula, adakah saya boleh membuat kemas kini maklumat akaun bank pasangan saya?**

J: Kemas kini maklumat akaun bank pasangan hanya dibenarkan sekiranya status bayaran STR semasa fasa pembayaran sebelumnya adalah:

- i. Gagal Kredit; atau
- ii. Tunai

9. **S: Permohonan STR 2025 saya berstatus Lulus dan saya telah membuat Permohonan Rayuan Tambahan STR 2025 dengan menukar status kepada Kahwin. Bagaimanakah cara untuk saya mengemas kini maklumat akaun bank atau maklumat waris dalam Permohonan STR saya?**

J: Bagi Permohonan STR 2025 berstatus Lulus dan telah mengemukakan Permohonan Rayuan Tambahan, maklumat Permohonan STR pemohon tidak boleh dikemas kini pada menu Kemas Kini Maklumat Permohonan.

10. **S: Saya telah membuat kemas kini maklumat waris terkini. Bilakah waris tersebut boleh hadir ke BSN bagi tuntutan pembayaran STR 2025?**

J: Maklumat waris baharu akan dikemas kini dan diserahkan kepada pihak BSN. Waris tersebut boleh hadir ke BSN bagi tujuan penunaian bayaran STR 2025 atau tuntutan Skim Khairat Kematian (SKK) STR 2025 berdasarkan jadual di bawah :

Bil.	Tarikh Tindakan Kemas Kini Pemohon	Tarikh Tuntutan Di BSN
1.	24 Mac 2025 – 06 April 2025	17 April 2025
2.	09 April 2025 – 07 Mei 2025	14 Mei 2025
3.	08 Mei 2025 – 22 Mei 2025	27 Mei 2025
4.	23 Mei 2025 – 11 Jun 2025	03 Julai 2025
5.	12 Jun 2025 – 14 Julai 2025	21 Julai 2025
6.	15 Julai 2025 – 29 Julai 2025	06 Ogos 2025

11. S: Saya merupakan waris baharu yang ingin mengemas kini maklumat waris disebabkan waris yang berdaftar pada borang STR telah uzur / sakit / berada di dalam penjara. Bagaimanakah saya boleh mengemas kini maklumat waris bagi pihak pemohon yang telah meninggal dunia?

J: Pengemaskinian maklumat waris bagi pemohon yang telah meninggal dunia perlu dilakukan di Pejabat LHDNM berdekatan. Waris baharu perlu melengkapkan Borang Kemas Kini Maklumat Permohonan dan sertakan dokumen seperti di bawah:

- i. Kad pengenalan (asal) waris;
- ii. Sijil Kematian (asal / salinan) Pemohon; dan
- iii. Dokumen pembuktian pertalian antara penerima dan waris

Bil.	Hubungan Waris	Dokumen Pengesahan Pertalian
1.	Pasangan	a. Sijil Perkahwinan; ATAU b. Sijil Lahir Anak
2.	Ibu / Bapa	Sijil Kelahiran penerima
3.	Anak	Sijil Kelahiran Waris
4.	Anak Angkat	a. Sijil anak angkat yang dikeluarkan oleh JPN; ATAU b. Pengesahan Agensi Kerajaan (jika pemohon tiada sijil angkat) iaitu: i. Mahkamah; atau ii. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
5.	Anak Tiri	a. Sijil Lahir Waris (anak tiri); DAN b. Sijil Perkahwinan Ibu / Bapa Tiri
6.	Adik Beradik	a. Sijil Kelahiran Penerima; DAN b. Sijil Kelahiran Waris
7.	Cucu	a. Sijil Kelahiran Waris (Cucu); DAN b. Sijil Kelahiran Ibu / Bapa kepada Waris

12. S: Sekiranya pemohon telah meninggal dunia dan tidak mendaftarkan waris, siapakah yang layak didaftarkan sebagai waris?

J: Waris yang layak didaftarkan terhad kepada maklumat Pasangan / Anak yang wujud dalam Permohonan STR 2025 sahaja. Bagi permohonan STR 2025 yang tidak mempunyai maklumat pasangan, anak dan waris dalam rekod permohonan semasa, pendaftaran maklumat waris adalah tidak dibenarkan.

13. S: Permohonan Fasa 1 saya berstatus Lulus dan saya telah bercerai pada bulan Januari 2025. Adakah saya boleh mengemaskini permohonan STR saya dengan status perkahwinan terkini pada bulan Januari 2025?

J: Tidak. Bagi permohonan lulus Fasa 1, permohonan rayuan yang melibatkan perubahan status perkahwinan, perubahan maklumat anak dan perubahan jumlah pendapatan isi rumah hanya dibenarkan mulai 16 Februari 2025 bagi pertimbangan kelayakan Fasa 3.

Pemohon yang berstatus lulus boleh mengemaskini maklumat asas permohonan sepanjang tahun.

14. S: Saya telah menghantar permohonan STR 2025 pada Januari 2025 dengan status Kahwin disebabkan telah berkahwin pada bulan yang sama. Semasa permohonan STR dalam talian dilakukan, maklumat Pasangan saya telah wujud dalam permohonan lain yang berstatus lulus STR dan permohonan saya telah berjaya dihantar. Adakah permohonan STR saya akan diproses?

J: Ya, setiap permohonan STR yang diterima akan diproses dan disemak kelayakan STR.

Permohonan yang dilakukan pada Fasa 2 tetapi wujud pertindihan maklumat dengan permohonan lulus Fasa 1, permohonan anda akan ditolak dengan kod alasan duplikasi permohonan disebabkan maklumat pasangan tersebut telah wujud dalam permohonan Fasa 1. Kemas kini perubahan status perkahwinan hanya dibenarkan pada Fasa 3.

Oleh itu, anda perlu kemukakan semula Permohonan Rayuan STR mulai 16 Februari 2025.

15. S: Saya telah lulus Fasa 1 Status Berkahwin Tiada Tanggungan. Pada Januari 2025, saya telah menghantar borang permohonan dengan mengemas kini maklumat tanggungan. Adakah saya akan layak mendapat Fasa 2 dengan kelayakan seorang tanggungan?

J: Sebarang permohonan yang telah lulus Fasa 1, tidak dibenarkan untuk mengemas kini maklumat tanggungan. Permohonan kemas kini penambahan tanggungan hanya boleh dilakukan semula mulai 16 Februari 2025 bagi pertimbangan kelayakan Fasa 3.

**Sekretariat STR
Kementerian Kewangan Malaysia
Presint 2, 62592 Putrajaya**